

FPP

June - November 2024

# BizNewz

MANAGEMENT • INVESTMENT • ECONOMICS • ENTREPRENEURSHIP • TECHNOLOGY

*Permingaan Produk*

## TEBALOI

## work-life BALANCE

## The Power of PHYSIOTHERAPY

## wanita dan MOTOSIKAL

*sustainable*  
**SKINCARE**

## Mental Toughness in Athletic Performance

eISSN 2600-9811



9 772600 981003

Publication Date  
25 October 2024

# TINGKATKAN KEMAHIRAN BUMIPUTERA DALAM BIDANG



**STEM, KEUSAHAWANAN, INOVASI DAN  
LITERASI DIGITAL - MUSTAFFA KAMIL AYUB**



Sharir Aizat Kamaruddin  
Unit Komunikasi Korporat, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perlis, Perlis,  
Malaysia.

Emel koresponden: [shariraiizat@uitm.edu.my](mailto:shariraiizat@uitm.edu.my)

Arau – Belia Bumiputera hari ini perlu mentrasformasikan aspek rohani, jasmani dan minda dengan pelbagai pengetahuan dan kemahiran bagi memastikan mereka tidak tersepit atau ketinggalan dalam mengharungi arus globalisasi dan senantiasanya cakna dengan keperluan dan pengaruh revolusi industri.

YBrs Ahli Lembaga Pengarah Universiti Teknologi MARA, En. Mustaffa Kamil Ayub berkata belia Bumiputera perlu diperkasakan dengan ilmu Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik

(STEM) bagi menghadapi tekanan kemajuan teknologi dan keperluan memenuhi peluang-peluang pekerjaan syarikat gergasi dalam dan luar negara.

“Perkasakan belia Bumiputera dengan kemahiran dalam literasi teknologi, budayakan mereka untuk berfikir kritis, dan serlahkan bakat keusahawanan mereka dengan skil untuk menangani cabaran arus modenisasi agar cemerlang dalam pelbagai bidang yang diceburi,” katanya.

“Subjek kurikulum keusahawanan juga perlu disemak bagi mengetahui



**Gambar 1:** YBrs Ahli Lembaga Pengarah Universiti Teknologi MARA, En. Mustaffa Kamil Ayub berucap di Dewan Kuliah 6, Kompleks STAR, UiTM Cawangan Perlis.

punca majoriti belia Bumiputera masih tidak bersedia atau tidak memilih untuk menjadi usahawan selepas tamat pengajian,” katanya lagi.

YBrs En. Mustaffa Kamil Ayub juga berharap agar ekosistem pendidikan negara hari ini terus menggalakkan belia Bumiputera untuk mempraktikkan elemen kreativiti dan inovasi, proaktif dalam menyelesaikan masalah dan berani mengambil risiko dalam bidang perniagaan dan keusahawanan.

**“Perkasakan dan galakkan graduan Bumiputera untuk mencipta lebih banyak peluang pekerjaan dan menjadi pemacu pertumbuhan ekonomi dengan idea-idea inovasi yang bernas,” katanya.**

“Teruskan mempromosikan budaya mencari ilmu dan membina inisiatif dalam penyelidikan bagi mencetuskan bakat kreativiti dan inovasi belia bumiputera dalam usaha membangunkan komuniti di tempat tinggal mereka dengan lebih mapan,” tambah beliau lagi.



**Gambar 2:** YBrS Ahli Lembaga Pengarah Universiti Teknologi MARA, En. Mustaffa Kamil Ayub menerima cenderahati daripada YBrS Prof Madya Dr Shukor Sanim Mohd Fauzi di Dewan Kuliah 6, Kompleks STAR, UiTM Cawangan Perlis.

Beliau juga mengulas pendekatan pembudayaan inovasi bukan sahaja meningkatkan kapasiti tempatan tetapi juga memperkasakan jati diri belia Bumiputera untuk menyumbang secara holistik untuk kemajuan masyarakat.

Pada masa yang sama YBrS En. Mustaffa Kamil Ayub juga berharap belia bumiputera hari ini diperkukuhkan dengan kemahiran literasi digital.

Beliau berkata, belia Bumiputera perlu diajar dengan kemahiran literasi digital untuk merapatkan jurang kemahiran digital antara kaum dan menyediakan ruang bagi menyerlahkan potensi mereka dalam ekonomi digital.

**“Sangat kritikal belia bumiputera hari ini untuk melengkapkan diri mereka dengan kemahiran menggunakan teknologi digital canggih, kolaborasi digital, dan literasi maklumat agar tidak ketinggalan berbanding bangsa-bangsa lain,” katanya.**

Bagi mencapai matlamat itu, beliau berharap agar kerajaan Madani terus menyelenggara dan menambah akses infrastruktur pendidikan berkualiti terutamanya kepada belia Bumiputera yang tinggal dalam komuniti terpencil.

“Semak semula kemudahan biasiswa, gaji dan bantuan kewangan untuk bumiputera luar bandar,” katanya



**Gambar 3:** YBrs Ahli Lembaga Pengarah Universiti Teknologi MARA, En. Mustaffa Kamil Ayub bergambar bersama YBrs Jawatankuasa Eksekutif Negeri UiTM Cawangan Perlis sempena Seminar International Academic Discourse 2024

“Bagi warga pendidik, mereka perlukan latihan dan kemahiran pengajaran dan pembelajaran yang menekankan aspek sensitiviti budaya, strategi pedagogi berkesan dan sejajar dengan kemajmukan masyarakat Bumiputera,” tambah beliau lagi.

Beliau berucap di hadapan lebih 200 warga Universiti Teknologi MARA di Seminar International Academic Discourse 2024 (IAD2024) – Revitalizing Bumiputera Education in the Muslim World, bertempat di Dewan Kuliah 6, Kompleks STAR, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perlis.

Turut hadir menyaksikan perkongsian dan pembentangan beliau ialah YBrs Menjalankan Fungsi Rektor, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perlis, Prof Madya Dr. Shukor Sanim Mohd Fauzi dan YBrs Pegawai Perhubungan UiTM Global, UiTM Cawangan Perlis, Dr. Mohd Akmal Hashim. Sebagai kesimpulannya, kata-kata yang diberikan oleh Encik Mustaffa Kamil Ayub mengenai peningkatan kemahiran Bumiputera dalam pelbagai bidang perlu dihayati dan diselami oleh para pelajar Bumiputera dalam membangunkan jati diri yang lebih sempurna.



eISSN 2600-9811



9 772600 981003

**BizNewz 2024**

**Faculty of Business and Management**

**Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Kampus Dungun  
Sura Hujung, 23000 Dungun, Terengganu, MALAYSIA**

**Tel: +609-8400400**

**Fax: +609-8403777**

**Email: biznewzuitm@gmail.com**